

Rawatan infertiliti patuh Maqasid Shariah dalam novel *Cinta In Vitro* karya Nik Hazlina Nik Hussain berdasarkan Teori Takmilah

Hadijah Johari dan Nor Shahida Binti Mohd Shaker

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah

Abstrak: Kajian ini merupakan satu kajian aplikasi teori Takmilah ke atas novel *Cinta In Vitro* karya Nik Hazlina Nik Hussain. Novel ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2019. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis novel *Cinta In Vitro* berdasarkan 7 prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah dengan bersandarkan kepatuhan terhadap *maqasid syariah*. Struktur novel ini merungkai kisah sepasang suami isteri yang belum direzekikan zuriat sehingga terpaksa bergelut mencari kesempurnaan hidup berumah tangga dengan pelbagai cara sama ada kaedah tradisional mahupun moden dan akhirnya berhasil melalui rawatan infertiliti bayi tabung uji atau dikenali sebagai persenyawaan *in vitro* (*in vitro fertilisation-IVF*). Walau bagaimanapun, sebagai seorang muslim yang mentauhidkan Allah maka pencapaian manusia dalam teknologi ini seharusnya mengambil kira terhadap usaha memelihara agama, nyawa, akal, keturunan serta harta kerana perkembangan teknologi seharusnya dilihat daripada pelbagai sudut iaitu sudut keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniyyah*) iaitu komponen penting dalam *Maqasid Shariah*. Justeru, penulisan ini memberi fokus kepada rawatan infertiliti secara umum menurut *Maqasid Shariah* yang selari dengan prinsip-prinsip Takmilah. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan bagi membuat analisis kajian. Berdasarkan penelitian dan analisis penyelidik mendapati bahawa kesemua 7 prinsip teori Takmilah ditemui dalam plot dan sub plot novel ini. 7 prinsip berkenaan ialah ketuhanan yang bersifat Kamal, kerasulan sebagai insan Kamil, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, pengkarya yang mengistikmalkan diri dan khalayak ke arah insan Kamil. Penemuan ketujuh-tujuh prinsip teori Takmilah dalam kumpulan novel yang dikaji membuktikan bahawa novel *Cinta In Vitro* karya Nik Hazlina Nik Hussain ini padat dengan nilai-nilai keagamaan dan pengajaran serta dapat dikategorikan sebagai hasil karya Sastera Islam kerana terdapat elemen-elemen tauhid, *Maqasid Shariah*, akhlak, kesusasteraan, ilmu kesihatan dan perubatan.

Kata kunci: *Teori Takmilah, Rawatan Infertiliti, In vitro fertilisation-IVF, Maqasid Shariah, keperluan (daruriyyah), kehendak (hajiyyah) dan keselesaan (tahsiniyyah)*

PENGENALAN

Landskap dunia moden kini rancak mencari kesempurnaan dengan kemunculan sistem fizikal siber yang melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya kepada manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi termasuk dunia kesihatan dan perubatan. Hakikatnya, sebagai seorang muslim yang mentauhidkan Allah dan beriman teguh dengan kekuasaan Allah seharusnya pencapaian ini menginsafi diri bagi membuktikan kekuasaan Allah SWT sebagai pemilik ilmu dalam usaha mencari keredhaanNya. Justeru, ummat Islam wajar kehadapan agar dapat menyumbang secara aktif dan menjadi penggerak revolusi yang berlandaskan kepada *Maqasid Shariah*.

Menurut Imam al-Ghazali dalam Wan Najmi [1] telah mendefinisikan *Maqasid Shariah* sebagai perkara yang memberikan penekanan terhadap usaha memelihara lima objektif *syariah* iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta dalam ruang lingkup keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniyyah*). Oleh itu, jika sesuatu yang bertentangan dengan pemeliharaan kelima-lima objektif tersebut maka ianya akan menyebabkan kemudaratan dan bertentangan dengan pemerkasaan kepentingan umum (*masalahah*) manusia sejagat kerana untuk mencapai kesempurnaan sekali-kali “matlamat tidak akan menghalalkan cara” malah kaedah fiqh

menegaskan bahawa pensyaritan berasaskan *masalah* serta menjadi *dhabit* kepada *masalah* itu sendiri.

Hal yang sama perlu ditekankan kepada penulis Sastra Islam kerana mereka mempunyai tugas yang sangat berat dalam mengimplimentasikan idea kreatif yang menekankan kesempurnaan serta keindahan dengan ilmu agama, ilmu fardu ain dan fardu kifayah kerana semuanya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak kerana soal agama bukannya sesuatu yang boleh dipersendakan.

Objektif Kajian

1. Menenalpasti usaha memelihara objektif *shariah* melalui rawatan infertiliti yang digambarkan dalam novel *Cinta In Vitro (CIV)* karya oleh Nik Hazlina Nik Hussain.
2. Menganalisis rawatan infertiliti patuh *Maqasid Shariah* dalam novel *Cinta In Vitro (CIV)* karya oleh Nik Hazlina Nik Hussain dari perspektif teori Takmilah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk kajian keperustakaan, rujukan atas talian, data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan hasil kajian-kajian lepas berkaitan rawatan infertiliti. Kajian ini berfokus kepada menenalpasti objektif *shariah* melalui rawatan infertiliti dan menganalisis aspek teori Takmilah dalam *Cinta In Vitro*.

Sinopsis

Novel ini mengisahkan dugaan dan cabaran yang dihadapi oleh Afefa Syakila dan Uwais Akasyah yang telah mendirikan rumah tangga selama lapan tahun, tetapi masih belum dikurniakan cahaya mata. Pasangan suami isteri ini telah melakukan pelbagai rawatan tradisional dan moden sejak perkahwinan mereka memasuki usia dua tahun, namun tidak berjaya. Berada dalam masyarakat kini yang mementingkan kesempurnaan, kegagalan mendapat zuriat sering kali menjadi pertanyaan dan gurau senda orang sekeliling sehingga menyebabkan Afefa Syakila dan Uwais Akasyah mengasingkan diri dan kurang bersosial. Terutamanya, Afefa Syakila yang dihantui perasaan rendah diri, murung dan membenarkan suaminya berkahwin lain untuk mendapatkan zuriat. Walau bagaimanapun, mereka mendapat sokongan keluarga yang tidak berbelah bahagi. Mereka akhirnya meneruskan rawatan infertiliti dengan mengambil ubat hormon dan pernian beradas, tetapi tidak berjaya. Afefa Syakila kemudiannya mahu mencuba persenyawaan *in vitro* (IVF) tetapi tidak direstui oleh ibu mentuanya. Keluarganya mencadangkan mereka mengambil anak angkat, tetapi tidak dipersetujui oleh

Uwais Akasyah. Konflik mula timbul apabila Balqis, bekas kekasih Uwais Akasyah muncul memohon bantuan Uwais Akasyah. Balqis yang ketika itu sarat mengandung disalahertikan oleh Afefa Syakila bahawa Balqis merupakan isteri kedua suaminya, sedangkan Balqis yang kematian suami meminta Uwais Akasyah membantu dalam projek perumahan yang ditinggalkan suaminya. Penolakan Uwais untuk mengambil anak angkat menguatkan naluri Afefa Syakila kerana Uwais Akasyah akan memperolehi anak kandungnya sendiri dengan Balqis. Syakila merasa tercabar dan nekad untuk membuat rawatan IVF, namun malangnya usaha itu gagal. Balqis yang mengalami pendarahan yang teruk akibat uri yang melekat selepas melahirkan anaknya meninggal dunia dan menyerahkan anaknya untuk dijaga oleh Uwais Akasyah dan Afefa Syakila. Ketika menjaga anak angkat mereka, Afefa Syakila melakukan rawatan IVF buat kali kedua, namun masih tidak berjaya. Mengenangkan kisah Balqis yang mengandung melalui rawatan IVF selepas sembilan tahun berkahwin, Afefa Syakila nekad melakukan rawatan IVF kali ketiga walaupun hakikatnya dia sudah penat mental, emosi dan fizikal. Ketika itu, dia sudah pasrah sekiranya rawatan IVF masih tidak berjaya dan akan menjaga anak angkatnya sepenuh hati. Namun, kuasa Allah tiada siapa menduga. Afefa Syakila akhirnya berjaya hamil melalui rawatan IVF buat kali ketiga. Lebih manis lagi apabila mereka dikurniakan anak kembar lelaki dan perempuan. [2]

PERBINCANGAN

Rawatan Infertiliti Dan *Maqasid Shariah*

Realiti hidup manusia, semasa bujang akan ditanya perancangan berumah tangga dan selepas berumah tangga akan ditanya pula perancangan mendapatkan zuriat. Jelaslah, hal nasab keturunan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan amnya dan agama Islam umumnya. Rasulullah SAW ada berpesan “Wanita dikahwini kerana empat hal: kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. (Hadith Shahih Riwayat Bukhari 6:123, Muslim 4:175).

Jelaslah bahawa nasab iaitu salah satu yang menjadi keutamaan dalam pemilihan calon isteri perlu diberikan penekanan kerana nasab merupakan suatu nikmat besar kepada diri manusia buktinya tersurat dalam surah al-Furqan 25, ayat 54: *Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga.* Terbuktilah nasab ialah rezeki daripada Allah dan merupakan salah satu daripada lima objektif *shariah* yang perlu dipelihara sehingga dipesan oleh Rasulullah “sesiapa yang membenci perkahwinan bukan daripada kalangan umatku” kerana melalui perkahwinan dapat

merealisasikan matlamat perkahwinan iaitu meramaikan umat Nabi Muhammad SAW.

Walau bagaimanapun, bagi mengukur tahap keimanan umatNya akan ada pasangan diuji dengan masalah infertiliti seperti yang disampaikan dalam surah al-Syura ayat 50 yang bermaksud “*ia mengurniakan mereka kedua-duanya anak lelaki dan perempuan dan ia juga menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya : mandul*”. Justeru, berdasarkan ayat tersebut jelaslah setiap sesuatu kejadian berlaku atas kekuasaanNya untuk melihat tahap keimanan umatNya maka kita perlu sentiasa redha di atas segala cabaran juga dugaan yang mendatang malah perlu ingat akan janji-janji Allah ke atas umat yang sentiasa redha dan bersyukur. Manakala bagi pasangan yang bernasib baik kerana dikurniakan cahaya mata juga wajib bersyukur dengan melaksanakan tanggungjawab mendidik anak sebaik mungkin menurut acuan Al-Quran dan sunah.

Cinta In Vitro telah memberikan maklumat perubatan khususnya masalah kesuburan dan rawatan infertiliti dalam bentuk kreatif yang memudahkan pemahaman khalayak kerana karya ini mempunyai nilai motivasi yang tinggi terutamanya kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan atau pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga tetapi belum direzekikan zuriat supaya sentiasa bersabar, bertoleransi dan tidak berputus asa mendapatkan zuriat. Malah maklumat perubatan dalam novel ini boleh dipertanggungjawabkan kerana penulis iaitu Professor Doktor Nik Hazlina Nik Hussain merupakan pakar obstetrik dan ginekologi (pakar sakit puan) yang telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2017 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Menurut Dr. Rahimah Abdul Rahim, Pensyarah dan Pakar Klinikal, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains Malaysia (USM) jumlah kelahiran di Malaysia menunjukkan peningkatan 0.1 peratus iaitu 508,685 pada 2017 selepas mencatat sebanyak 508,203 iaitu berkurangan sebanyak 2.5 peratus jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya dan kadar kesuburan wanita pada tahun 2016 bagi lingkungan umur 15 hingga 45 tahun ialah 1.9 peratus iaitu lebih rendah berbanding tahun 2015 iaitu 2.0 peratus akibat perkahwinan lewat kerana keutamaan kepada karier, kecenderungan untuk memiliki saiz keluarga yang kecil, peningkatan masa wanita bekerja di luar rumah, kekangan ekonomi dan perkahwinan jarak jauh. Selain itu, didapati bahawa 35 peratus pesakit yang hadir ke klinik infertiliti atau klinik kesuburan Hospital USM adalah untuk mengenal pasti kemandulan yang disebabkan oleh masalah tiada proses ovulasi, permasalahan sperma, saluran tiub fallopien tersumbat, permasalahan antara suami serta isteri dan tidak mengetahui punca sebenar yang menyebabkan

kemandulan. Menurut Gunby dalam Mansor Sulaiman (n.d) IVF mempunyai kadar kejayaan yang tinggi iaitu antara 20-40 peratus. Oleh itu, infertiliti perlu ditangani bersama-sama kerana masalah ini bukan sahaja memberikan kesan kepada pasangan, malah melibatkan unit keluarga, masyarakat dan negara namun, usaha tersebut perlu memelihara lima objektif *shariah* iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta dalam ruang lingkup keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajjiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniyyah*) kerana berdasarkan beberapa fatwa yang dikeluarkan di Malaysia pada 1981, 1982, 1983, 1990, 2003 dan 2008 dapat disimpulkan bahawa IVF merupakan sesuatu yang diharuskan penggunaannya kepada mereka yang memerlukan rawatan namun, keharusan ini meliputi prosedur yang melatari proses IVF tersebut [3].

Rawatan Infertiliti: Sinar Harapan Dibalik Impian

Umum meyakini bahawa salah satu maqasid perkahwinan bagi sepasang suami isteri adalah untuk mendapatkan zuriat dengan pelbagai cara dan kaedahnya selagi patuh *Shariah* misikupun dilaporankan bahawa kadar kesuburan rakyat Malaysia kian merosot ekoran keperluan mendesak yang menunjukkan bahawa semakin ramai wanita memilih mengutamakan kerjaya bagi mengukuhkan ekonomi masing-masing sebelum memikirkan hal berkaitan rumah tangga ataupun membina keluarga maka tidak hairanlah apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan adanya statistik dari 2010 hingga 2015 yang menunjukkan kadar kesuburan pasangan di Malaysia semakin merosot sehingga 1.97 kanak-kanak untuk setiap isi rumah malah angka terbabit dikatakan jatuh merudum ke 1.90 kanak-kanak untuk setiap isi rumah menjelang 2020 dan berterusan sehingga 1.72 pada 2050. Akhirnya menurut Salwa dalam Mohd Anuar Ramli (n.d) [4] harapan dibalik impian berinfertiliti ini pada peringkat global menunjukkan 10-15 peratus daripada pasangan yang melahirkan anak berpengalaman melalui fasa ketidaksuburan ini.

Kejayaan bayi tabung uji pertama yang dilahirkan pada 25 Julai 1978 bernama Louise Joy Brown telah memberi sinar harapan kepada pasangan yang memerlukan kerana melalui rawatan infertiliti sejajar gelombang revolusi industri 4.0 masa kini jelas membolehkan lebih ramai pasangan yang ada masalah infertiliti primer (tidak pernah hamil) atau infertiliti sekunder (pernah hamil tetapi gagal hamil semula) yang dikenalpasti berpunca daripada isteri atau suami atau tidak diketahui puncanya mampu merealisasikan impian mendapatkan zuriat dengan cara *Assisted Reproductive Technology* (ART) iaitu istilah bagi merujuk kaedah tiruan atau

sebahagiannya tiruan untuk mencapai kehamilan atau untuk rawatan kemandulan melalui kaedah persenyawaan luar rahim (*In-Vitro Fertilization*, IVF), pemindahan gamet dalam fallopio (*Gamete Intrafallopian Transfer*, GIFT), pernianian beradas (*intrauterine insemination*, IUI), injeksi sperma intra-sitoplasma (*intracytoplasmic sperm injection*, ICIS), diagnosis genetik pra-penempelan (*Preimplantation Genetic Diagnosis*, PDG) dan ibu tumpang (*Surrogate Mother*) sekiranya percantuman benih sperma dan ovum tersebut berasal daripada pasangan suami isteri yang sah. Walau bagaimanapun, keterlibatan rawatan infertiliti ini dalam revolusi industri 4.0 perlu berasaskan kepada maksud atau niat (*qasd*) bagi setiap tindakan tersebut agar tidak bercanggah dengan syarak. Justeru, pertimbangan tersebut seharusnya bersandarkan tiga kategori utama dalam ilmu *Maqasid Shariah* iaitu keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniiyyah*).

Aplikasi teknologi dalam rawatan infertiliti dari perspektif *maqasid shariah*


Seiring arus kemodenan aplikasi penggunaan rawatan infertiliti kepada pasangan yang berinfertiliti meskipun bersifat kehendak (*hajiyyah*) atau keperluan (*daruriyyah*) tetap perlu mengambil kira aspek pemeliharaan agama dengan memastikan semua tindakan berkaitan dengan rawatan infertiliti tidak melibatkan aktiviti maksiat yang dilarang dan diharamkan oleh Allah sehingga membawa kepada kufur dalam kepercayaan akidah seperti yang diketengahkan oleh pengarang melalui watak ibu mertua Afefa Syakila iaitu Puan Majidah:

“Mak tak nak subahat dalam kes ini”..Duit habis tak kisah asalkan yang kau orang berdua buat tak salah dari segi hukum. Tak ada anak pun tak apa, asalkan jalan betul (CIV:148).

Selain itu, seseorang individu juga ditegah mengaplikasikan rawatan infertiliti tersebut untuk mendekati diri dengan kecelaruan nasab atau penzinaan sehingga berakhir dengan lahirnya anak luar nikah seperti yang ditekankan oleh pengarang melalui watak Doktor Lina “Tak boleh sebab isteri kedua dikira sebagai orang ketiga....salah di sisi agama dan etika ya Puan Syakila” (CIV:134). Memelihara keturunan menjadi fokus utama kehidupan manusia kerana menurut Al-Suyuti dalam Mohd Anuar Ramli (n.d), apabila terdapat 12 hukum yang berkaitan dengan keturunan antaranya perwarisan harta, penjagaan, pengharaman wasiat, tanggungjawab diyat, wali perkahwinan, wali memandikan mayat dan solat ke atasnya, wali kehartaan, wali hadanah, tuntutan hukuman had, gugur qisas, menaikkan jumlah diyat serta kewajipan nafkah, larangan berkahwin, kewajipan

berbuat baik dan silaturrahim, keharusan berkhalwat, keharusan menyentuh, batasan aurat, pengharaman *tabanni*, pengharaman nafi anak juga kepimpinan. Jelaslah memelihara keturunan amat penting dalam Islam yang menjadi asas kesejahteraan umat manusia.

Pemeliharaan akal turut menjadi keutamaan dalam penggunaan teknologi merawat pasangan berinfertiliti agar tidak mengakses kepada revolusi yang boleh melemahkan akal seseorang individu sehingga lahirnya generasi yang lemah akal fikirannya. Begitu juga dengan usaha memelihara nyawa yang turut diberikan keutamaan semasa mendapatkan rawatan infertiliti agar tidak menjejaskan kesihatan fizikal dan mental pasangan serta usaha memelihara harta agar rezeki yang diperolehi oleh pasangan yang mendapatkan rawatan infertiliti datangnya daripada sumber yang jelas dan halal. Ternyata jika selagi mana rawatan infertiliti yang digunakan itu patuh *Shariah* (*Shariah compliant*) maka, ianya diharuskan sejajar dengan usaha memelihara *masalah* dalam kerangka *maqasid Shariah*. Sekiranya semua perkara diambil kira, makanya rawatan infertiliti tersebut selaras dengan objektif *Shariah* yang bertujuan membangunkan kebajikan umum serta mencegah kemudaratan juga kepupusan zuriat dalam sebuah institusi kekeluargaan amnya dan kehidupan manusia khususnya. Hal ini dapat ditunjukkan melalui model di bawah :



Teori Takmilah Shafie Abu Bakar

Takmilah merupakan istilah yang berhubung dengan sifat Allah “*roof*” dan berasal daripada kata “*Kamal*” yang berhubung dengan “*Tajmilah*” yang berasal dari perkataan “*Jamal*”. Teori Takmilah ini sudah menjangkau usia hampir 26 tahun apabila diperkenalkan oleh Dr. Shafie Abu Bakar pada 29 Oktober 1992 dan dilihat telah memberi sumbangan penting dalam asas

kritikan sastra tempatan dalam ruang lingkup epistemologi Islam.

Menurut Dr. Shafie Abu Bakar dalam Adnan Ahmad (n.d) [5] teori Takmilah ini dibina secara berhubung rapat dengan falsafah dan prinsip keislaman yang bersifat syumul (menyeluruh) dan holistik iaitu bertitik tolak daripada falsafah tauhid yang bersifat doktrinik. Teori ini dikatakan holistik kerana prinsip-prinsipnya yang tujuh iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastra yang bersifat Takamul, prinsip sastra sendiri yang bercirikan estetika dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Berdasarkan teori Takmilah dengan falsafah Islam yang mendasarinya ternyata ada pertalian tauhid kerana kesemua prinsip tersebut menggariskan hubungan manusia dengan Allah yang bersifat vertikal dan hubungan manusia dengan manusia dan alam yang bersifat horizontal. Justeru, membaca CIV secara langsung membawa pembaca kepada sebuah dunia nyata yang disebut sebagai dunia refrensial iaitu latar imaginasi yang bersumberkan dunia realiti pengarang [6].

Hal ini, kerana watak Doktor Lina seorang pakar sakit puan yang memberikan sesi konsultasi kepada sepasang suami isteri yang ingin menjalani rawatan infertiliti dalam novel ini hakikatnya ialah diri pengarang sendiri. Justeru, pemilihan kata dan penyampaian mesej serta pemikiran yang diparkitkan oleh Nik Hazlina Nik Hussain dalam novel CIV ini daripada teori Takmilah dapat difahami sebagai kajian kesempurnaan aspek ketuhanan (kamal), kerasulan (kamil), keislaman (akmal), prinsip ilmu (takamul), kesusasteraan (takmilah), pengkarya (istikmal) dan insan (kamal). Jelaslah bahawa novel CIV ada mengadunkan garapan teori Takmilah yang bersifat holistik kerana dalamnya melibatkan hubungan manusia iaitu pengkarya dan khalayak menerusi karyanya dengan aspek ketuhanan, kenabian dan keilmuan serta kesusasteraan [7].

Cinta In Vitro daripada prespektif Teori Takmilah

Berdasarkan pemikiran Dr. Shafie Abu Bakar, wacana teori Takmilah dalam novel ciptaan Nik Hazlina Nik Hussain ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu ketuhanan (kamal), kerasulan (kamil), keislaman (akmal), prinsip ilmu (takamul), kesusasteraan (takmilah), pengkarya (istikmal) dan insan (kamal). Aspek-aspek ini dikaitkan dengan usaha memelihara objektif *shariah* iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan

keturunan dan pemeliharaan harta dalam ruang lingkup keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniyyah*) melalui rawatan infertiliti. Melalui kupasan lengkap proses rawatan infertiliti patuh *Maqasid al-Shari'ah*, Nik Hazlina Nik Hussain telah memaparkan satu wacana ilmu yang mengupas realiti kesempurnaan hidup berkeluarga dengan memiliki zuriat dalam persoalan hukum, kos dan proses rawatan infertiliti. Justeru, karya ini menjadi landasan Nik Hazlina Nik Hussain untuk membina satu pemikiran yang memotivasikan diri bagi mereka yang berinfertiliti dan mengarah kepada perkongsian santai ilmu kesihatan dan perubahan untuk masyarakat dalam bentuk naratif kreatif serta paling penting menjadi medium dakwah islamiah kepada umum untuk terus mentauhidkan Allah walau dalam apa keadaan sekalipun.

1. Ketuhanan (kamal)

Garapan idea pengarang yang membayangi ciri-ciri kesempurnaan proses rawatan infertiliti yang patuh *Maqasid al-Shari'ah* dalam plot dan sub plot novel CIV ini berjaya menonjolkan sifat Allah yang mempunyai sifat sempurna iaitu sifat Kamalnya. Hal ini, kerana adanya rakaman puji-pujian, rasa rendah diri dengan mengharapkan keampunan Allah dan berjiwa tauhid terhadap kekuasaan Allah yang terakam melalui doa serta konsep kesempurnaan yang dibuktikan melalui ayat al-Quran.

Pengarang merakamkan puji-pujian berbentuk doa kepada Allah yang jelas mengagung-agungkan sifat Allah setiap kali memohon direzekikan anak kepada pasangan Uwais Akasyah dan Afefa Syakila. Rakaman puji-pujian kepada Allah SWT ada digambarkan oleh pengarang apabila Afefa Syakila mengucapkan “Ya Allah, ya Rahman, Ya Rahim. Kamu ampunilah dosa-dosaku” (CIV :118). Selain itu, apabila didasari perasaan rendah diri dan berjiwa tauhid serta mengharapkan keampunan Allah pengarang melalui watak-watak dalam novel ini memperlihatkan bahawa diri mereka sebagai hamba yang serba kekurangan, lemah dan hanya bergantung hidup dengan kekuasaan Allah demi kesejahteraan hidup. Munajat penuh pengharapan dan bersungguh-sungguh pengarang melalui watak suami yang dahagakan kasih sayang zuriat tersayang sejak 8 tahun lalu terserlah sehingga melangkau 4 halaman iaitu bermula daripada halaman 16 hingga 19. Malah novel setebal 236 halaman ini telah merakamkan 11 kali munajat watak-watak dalam setiap plot dengan doa dikurniakan zuriat terakam sebanyak 5 kali seperti rintihan Afefa Syakila pada suatu hari selepas mendapati ujian kehamilannya tetap negatif untuk kesekian kalinya “Ya Allah puas sudah hambaMu ini berdoa dan beriktihar, bilalah lagi engkau akan makbulkan doaku memiliki zuriat?” (CIV : 211)

Seterusnya, kesempurnaan Allah terpancar melalui makhluk ciptaannya. Sesungguhnya, inilah kemuncak

novel CIV apabila pengarang memetik ayat surah asy-Syura 42:49-50 sebagai bukti kesempurnaan Allah yang memakbulkan impian Uwais Akasyah dan Afefa Syakila memiliki zuriat sendiri selepas berjaya melalui proses rawaran infertiliti patuh *Maqasid al-Shari'ah* dengan jayanya selepas dua kali sebelumnya gagal. Berita gembira tersebut dirakamkan dalam petikan berikut:

..Namun begitu dia benar-benar bersyukur dan berita gembira itu tentunya menambah kebahagiaannya sebagai isteri. Kepunyaan Allah-lah kerajaan langit dan bumi, Dia menciptakan apa yang Dia kehendaki, Dia memberikan anak-anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak-anak lelaki kepada siapa yang Dia kehendaki, atau Dia menganugerahkan kedua jenis laki-laki dan perempuan (kepada siapa yang dikehendaki-Nya), dan Dia menjadikan mandul siapa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Mahakuasa. (CIV:216)

Berdasarkan perbincangan di atas pengkaji mendapati bahawa pengarang berjaya mengupas aspek ketuhanan (Kamil) dengan sempurna kerana laluan kehidupan watak-watak novel ini penuh dengan rakaman pujipujian, rasa rendah diri demi mengharap keampunan Allah dan berjiwa tauhid terhadap kekuasaan Allah yang digarap dan diadun dalam bentuk doa serta konsep kesempurnaan yang dikemukakan melalui ayat al-Quran. Nukta kesempurnaan novel ini ditemukan pada plot kehadiran zuriat kembar pasangan Uwais Akasyah dan Afefa Syakila yang diberi nama Adam Imran dan Aini Yasmin melalui proses infertiliti yang patuh *Maqasid al-Shari'ah* serta Aini Insyirah iaitu anak angkat buah hati kawan baik mereka Balqis yang meninggal dunia selepas melahirkan jelas membuktikan sifat Kamal dan Jamal-Nya Allah. Hal ini bertepatan dalam Hadis Nabi riwayat Bukhari dan Muslim yang bermaksud, "Bahawasanya Allah itu Indah. Dia sukakan keindahan." Justeru, segala ciptaan Allah sebagai manifestasi Jamal Allah yang akhirnya memperlihatkan Kamal-Nya dan keindahan serta kebesaran itu akan memperlihatkan sifat Kamal Allah yang Maha perkasa (Qahhar) juga Maha besar (Jalal).

2. Kerasulan (kamil)

Pengarang tidak ketinggalan menerapkan aspek kedua dalam teori Takmilah iaitu Kerasulan (kamil). Kecintaan pengarang terhadap Rasulullah sebagai insan Kamil yang bererti insan sempurna dalam konteks pemikiran Islam kerana tergabung tiga konsep dalam hidupnya iaitu insan kamil, insan khalifah dan insan Rabbani dapat dilihat melalui watak Uwais Akasyah yang sering membuktikan kecintaannya kepada Rasulullah apabila digambarkan bahawa Uwais Akasyah sebagai watak yang mempunyai tanda-tanda kecintaan kepada Rasulullah apabila mencontohi dan

mengamalkan sunnah Baginda SAW ketika didatangi oleh Balqis. Balqis ketika itu sarat mengandung yang kematian suami ialah bekas kekasih Uwais telah muncul memohon bantuan Uwais menguruskan projek perumahan yang ditinggalkan suaminya. Akhirnya Balqis telah mengalami pendarahan teruk akibat uri yang melekat selepas melahirkan anaknya meninggal dunia dan menyerahkan anaknya untuk dijaga oleh Uwais dan Syakila. Bantuan yang Uwais Akasyah dihulurkan kepada Balqis daripada tarafnya bekas kekasih sehingga bertukar menjadi ahli keluarga sangat bertitik tolak daripada pesanan Rasulullah:

Dari Abu Hurairah ra, Nabi SAW, bersabda: "Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Barang siapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Barang siapa yang menutupi aib seorang muslim, pasti Allah akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Allah senantiasa menolong hamba Nya selama hamba Nya itu suka menolong saudaranya". (HR. Muslim, lihat juga Kumpulan Hadits Arba'in An Nawawi hadits ke 36) (CIV :95)

Berdasarkan perbincangan di atas pengkaji mendapati bahawa pengarang berjaya menyemarakkan aspek Kerasulan (kamil) dalam novel ini kerana usaha menghidupkan dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW dalam setiap langkah kehidupannya adalah bukti kecintaan kepada Rasulullah SAW sebagaimana juga menjadi bukti kecintaan kepada Allah. Allah swt berfirman:

Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. [Surah Aali Imran: 31].

Selain itu, pengarang juga ada menghidupkan aspek Kerasulan (kamil) ini apabila dilafazkan selawat dan salam kepada Rasulullah yang secara tidak langsung menunjukkan kepada kita bahawa pengarang amat memahami konsep insan kamil yang digagaskan dalam teori Takmilah ini melalui watak Uwais Akasyah yang menyampaikan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW dengan berkata "...selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad SAW yang dicintai serta ahli keluarga baginda " (CIV: 16). Berdasarkan perbincangan tersebut jelas bahawa pengarang berjaya membuktikan adanya aspek Kerasulan (kamil) dengan banyak mengingati dan menyebutnya kerana orang yang mencintai sesuatu tentu akan sentiasa mengingati dan menyebutnya malah apabila sentiasa ingat kepadanya merupakan sebab kesinambungan kecintaan dan kerberterusannya sebagaimana firman Allah:

Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepada Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.} [Surah Al-Ahzaab: 56].

3. Keislaman (Akmal)

Sepanjang menelusuri plot novel CIV pengkaji mengenalpasti adanya aspek ketiga teori Takmilah iaitu Keislaman (Akmal) yang menjelaskan bahawa Islam ialah sebagai agama yang sempurna dan mampu menyempurnakan segala aspek cara hidup termasuk sastera. Justeru, karya yang baik ialah karya yang dapat menjadi medium dakwah kepada umat sejagat agar dapat mempraktikkan segala ajaran Islam seperti yang berjaya diketengahkan oleh Nik Hazlina Nik Hussain dalam CIV apabila mengupas isu rawatan infertiliti patuh *Maqasid al-Shari'ah* dengan sangat baik malah disisipkan juga dengan pelbagai praktik amalan dalam Islam yang lain seperti perkara berkaitan dengan anak angkat (Ibu susuan), aurat (wanita keluar rumah), aqiqah (dapat zuriat) dan tahlil (kematian seseorang), mati syahid (wanita yang mati ketika melahirkan), sunnah Nabi (memilih calon isteri), hukum berkaitan rawatan infertiliti juga isu kurafat (percaya air Tasik Bayang Bunting mampu memberikan zuriat). Justeru, jelaslah pengarang telah menghuraikan Islam sebagai agama yang sempurna merangkumi aqidah, akhlak, ibadat dan syariat dengan sangat sempurna dalam novel ini.

Membaca CIV jelas tergambar tentang kepakaran pengarang dalam merawat pesakit yang mempunyai masalah infertiliti kerana setiap kali sesi konsultasi Uwais Akasyah dan isterinya bersama Doktor Lina dijalankan akan ada sesi penerangan yang panjang lebar kepada mereka demi memastikan maklumat disampaikan dapat difahami dan diaplikasikan dengan baik. Hal ini, terbukti apabila ruang halaman untuk setiap plot tersebut sangat panjang seperti tatacara *infertiliti* yang bermula dengan pengambilan pil kesuburan diterangkan sepanjang 11 halaman bermula daripada halaman 69 sehingga halaman 80. Seterusnya apabila gagal rawatan pertama pengarang memaparkan semangat tidak putus asa dalam watak Uwais Akasyah dan isterinya untuk mencuba kaedah kedua iaitu rawatan pernian beradas yang diterangkan sebanyak 4 halaman bermula daripada halaman 112 sehingga 116. Namun, kaedah kedua masih gagal merealisasikan hasrat pasangan tersebut memiliki zuriat dan akhirnya terpaksa bergantung kepada kaedah terakhir iaitu persenyawaan *in vitro* (IVF) atau lebih dikenali sebagai kaedah bayi tabung uji yang sangat ditentang oleh ibu Uwais Akasyah kerana meragui status halal proses yang dilalui oleh anak menantunya tetapi akhirnya merestui mereka. Proses ini diperincikan oleh pengarang merangkumi aspek prosedur rawatan, proses mengutip

ovum, kaedah pembekuan embrio, rawatan lanjut selepas IVF, kesan rawatan IVF yang melibatkan masalah fizikal, etika dan perundangan juga agama bermula daripada halaman 123 sehingga 135 antara petikannya seperti berikut :

“Dengan pandangan yang cukup simpati dan empati, Doktor Lina menerangkan lagi, Terdapat beberapa prosedur rawatan yang menggunakan teknologi kesuburan, antaranya termasuk prosedur persenyawaan *in vitro*. Kaedah ini secara amnya juga dikenali sebagai kaedah bayi tabung uji. Jika sprema suami sangat kurang atau tidak aktif pula kaedah suntikan sprema *intrasitoplasmik* atau ICSI boleh dilakukan. Dalam kaedah inisprema suami yang terbaik akan disuntik terus kepada ovum. Hal ini akan menolong sprema mensenyawakan ovum dengan mudah”. Doktor Lina diam seketika. Dia perasan pasangan suami isteri ini tidak seceria dan semesra seperti biasa. (CIV:123)

Berdasarkan penerangan di atas jelas pengarang faham akan konsep prinsip Islam yang bersifat Akmal kerana melalui pembacaan novel ini dapat memupuk masyarakat Islam yang patuh dan memelihara objektif *shariah* melalui rawatan infertiliti dan yakin melaksanakan segala suruhannya serta meninggalkan larangannya demi merealisasikan impinan memiliki zuriat sendiri.

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati adalah lebih baik jika pengarang turut memperincikan isu-isu sampingan yang mempunyai hubungan dengan prosedur rawatan infertiliti yang telah difatwakan harus hukumnya. Antara isu-isu sampingan tersebut ialah berkaitan aurat ketika mendapatkan rawatan, khalwat ketika mendapatkan rawatan sekiranya doktor bukan wanita dan muslim, menjaga aib dan kerahsiaan pasangan bermasalah, ibadah ketika menjalani rawatan, penggunaan ubat tidak halal sekiranya ada, onani untuk mendapatkan sprema dan sebagainya. Hal ini, penting untuk dijadikan panduan kepada mana-mana isu baharu yang timbul mikipun hukum-hakam berkaitan dengan prosedur rawatan IVF banyaknya bersandarkan kepada *masalah* itu sendiri khususnya dalam kaedah *dharurah seperti yang disaranankan* oleh Mansor Sulaiman dalam kajiannya bertajuk “Prosedur-prosedur rawatan IVF (In-Vitroi Fertilisation) : Suatu kupasan berdasarkan pandangan syarak.

Selain itu, CIV turut memaparkan isu anak angkat sebagai jalan terakhir memiliki zuriat melalui kaedah ibu susuan. Hal inilah, yang terpaksa dipilih oleh Amelia kawan Afefa Syakila yang ditemui ketika menjalani sesi rawatan bersama Doktor Lina yang sibuk menjalani proses cetusan laktasi sebelum proses mengambil anak angkatnya diluluskan apabila digambarkan kegagalannya memiliki zuriat selepas 15

tahun berumahtangga dan tiga kali gagal ujian IVF serta berhadapan dengan masalah faktor umur yang sudah mencecah usia 40 tahun. Selain itu, pengarang juga menggambarkan keceriaan dalam hidup Afefa Syakila apabila berjaya menjadi ibu susuan kepada anak Balqis. Kegembiraan tersebut ada dalam petikan berikut:

Afefa Syakila tersenyum bahagia. Kini sudah cukup syarat Aimi Insyirah menjadi anak saudara susuan kepada Aira yang menghalalkan hubungan bayi perempuan tersebut dengan ayah angkatnya Uwais Akasyah” (CIV ; 203)

Berdasarkan perbincangan di atas jelas pengarang berjaya memaparkan kesempurnaan yang Islam hadirkan kepada pasangan yang gagal mendapat zuriat. Jelas tidak sesekali Islam itu menyusahkan dan membebankan umatnya malah dihadirkan penyelesaian alternatif kepada setiap masalah selagi mana imannya teguh mentauhidkan Allah. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik pengarang memperincikan sedikit berkaitan kesedaran masyarakat Islam dari sudut hukum penyusuan, hak anak terhadap susuan, hak dan kewajipan bapa dalam penyusuan anak, kesan penyusuan terhadap anak susuan dan isu-isu semasa berkaitan penyusuan seperti derma susu dan menyusukan anak di khalayak awam (*nursing in public*) memberi kefahaman kepada kita dalam memahami agama-Nya seterusnya mengamalkannya dengan sebaik mungkin mengikut neraca syariah. [8].

4. Ilmu (takamul)

Pengarang seterusnya berjaya merangka struktur plot novel ini dengan aspek keempat teori Takmilah iaitu ilmu yang saling melengkapi (takamul) dan akhirnya menyeru manusia kepada kebenaran melalui akal dan hati. Meneliti plot novel ini seperti mengulangkaji bab demi bab dalam buku nota Biologi kerana pengarang memanfaatkan kepakarannya dalam bidang kesihatan dan perubatan. Jelaslah keperluan ilmu dengan sastera yang menjadikan teori Takmilah sebagai teori yang sempurna dan saling melengkapi (Takamul).

Antara ilmu kesihatan dan perubatan yang disajikan dalam novel 13 bab ini ialah ilmu berkaitan kitaran haid, proses ovulasi, ujian kehamilan (alat ujian kehamilan), permakanan sunnah, rawatan tradisional melalui kaedah urutan, rawatan infertiliti patuh maqasid Shariah, proses persenyawaan manusia, proses cetusan laktasi (menjadi ibu susuan), plasenta akreta (uri melekat), *booking* (lawatan semasa kehamilan), *endometriosis* (masalah senggugut teruk dan berulang-ulang) dan proses kelahiran (*normal atau caesarean*). Melalui sesi konsultasi rawatan infertiliti oleh Doktor Lina kepada Afefa Syakila dan suaminya juga pesakit yang lain dalam novel ini pembaca diperkenalkan dengan pelbagai istilah sains antaranya pil Clomiphene,

suntikan Gonadotrofin, ultrabunyi *transvagina (TVS)*, *unexplained infertility* (masalah infertiliti yang tidak diketahui), penyakit *endometriosis* (ejakulasi pramatang), *luteinising hormone* (hormon peluteinan), *in vitro fertilisation* (persenyawaan *in vitro*), *cryopreservation* (pembekuan embrio) dan *ovarian hyperstimulation syndrome* (sindrom stimulasi ovari) yang kesemuanya berjaya dihasilkan kesan revolusi ilmu yang dialami oleh manusia sejak pertama kalinya diperkenalkan sekitar tahun 1909 sebelum diteruskan pada 1965 oleh saintis British Robert Edward dan Lasley Brown merupakan wanita pertama yang berjaya hamil melalui kaedah *in vitro* tersebut pada 1977 (myhealth.gov.my). Novel ini lebih menarik apabila pembaca bukan sahaja dijelaskan dengan teknik rawatan moden tetapi turut diselitkan dengan rawatan pemakanan sunnah juga rawatan tradisional melalui kaedah urutan seperti dalam petikan berikut:

“Nak, Pak Usu nak periksa dan urut batin juga” maklum Pak Usu. Alat genitalia Uwais Akasyah diperiksa. Alhamdulillah, semuanya okey. Kamu pun tak ada masalah uluran (macam masalah angin pasang).” (CIV : 55)

Berdasarkan perbincangan di atas pengkaji dapat simpulkan bahawa pengarang mengangkat ilmu yang bermanfaat dalam menghasilkan karyanya hasil kebijaksanaan akal yang menjadi medium mencapai keilmuan yang bersifat alamiah dan rasional sehingga terkesan dalam hati atau dikenali sebagai makrifah. Hal ini, jelas telah memperkasakan ilmu dan sastera yang saling berkaitan antara satu sama lain kerana bersifat Takamul.

5. Kesusasteraan (takmilah)

Hasil analisis terhadap novel CIV didapati pengarang berjaya mengemukakan aspek kelima teori Takmilah iaitu Kesusasteraan (Takmilah) dengan sangat baik kerana proses penciptaan dan pembinaan karya ini sangat kreatif, indah dan sempurna baik daripada aspek dalaman mahupun luaran. Miskipun menghasilkan karya dalam bahasa Melayu didapati terdapat unsur penggunaan bahasa Arab. Hal ini, kerana pengarang banyak menggunakan laras bahasa doa yang sinonim penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu seperti *Bismillahirrahmanirrahim, Rabbana hab lana min azwaajina wa zurriyyatina qurrataa 'yun wajalna lilmuttaqeen imaama, Ameen ya Rabbal alamin, Subhanallah walhamdulillah wa laa ilaaha illallah wallahu akhbar, alhamdulillah, inna lillahiwa inna ilaihi rajiun* yang penggunaannya dilihat sangat signifikan dengan situasi yang digambarkan dalam setiap plot bagi menghidupkan syiar Islam.

Jika bahasa arab digunakan oleh pengarang untuk mempamerkan keindahan lahiriah maka mesej dan

pemikiran pula keindahan maknawi yang cuba disampaikan oleh pengarang terutamanya berkaitan isu rawatan infertiliti yang patuh *Maqasid Shariah*. Hasil perbualan bersama pengarang pada 26 April 2019 telah dijelaskan bahawa antara mesej yang ingin disampaikan dalam novel ini adalah untuk memberi maklumat perubatan khususnya masalah kesuburan dan rawatan dalam bentuk kreatif untuk memudahkan pemahaman pembaca serta menjadikan karya sebegini yang mempunyai nilai motivasi tinggi, terutamanya kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan atau pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga tetapi belum dikurniakan zuriat supaya tidak mengenyal erti putus asa, tidak pernah jemu berusaha, kesabaran, toleransi dan komitmen antara pasangan suami isteri. Selain itu, ianya dihasilkan sebagai kritikan sinisnya terhadap pandangan hidup masyarakat yang tidak prihatin dan sensitif dengan situasi wanita yang belum direzekikan anak sehingga digelar “wanita mandul” juga pandangan sinis terhadap “janda” yang sering dikaitkan sebagai perosak rumah tangga serta komuniti sekitar yang suka campur tangan lalu melukakan hati orang lain sehinggalah perkara yang sama “kena batang hidung sendiri” [2].

Berdasarkan perbincangan di atas jelaslah bahawa pengarang berjaya memerhatikan alam untuk mendapatkan ilham yang memperlihatkan tahap keprihatinan manusia lalu diterapkan dalam karyanya dengan sempurna daripada aspek luaran mahupun dalaman. Hal ini, kerana novel ini diinspirasikan buat insan yang telah mempunyai cahaya mata agar memahami perasaan insan yang tidak ditakdirkan untuk melalui plot kehidupan yang sama seperti mereka. Selain itu, dapat mengajak masyarakat untuk mengubah persepsi bahawa memiliki anak bukan satu-satunya jalan menuju redha Allah SWT. Justeru, mereka dapat mengambil berat dengan tidak memberikan tekanan melalui kata-kata yang boleh mengguris perasaan pasangan yang kurang bernasib baik ini. Namun begitu, bagi insan yang tidak bernasib baik kerana tidak dikurniakan cahaya mata juga perlu bersyukur dan pada masa yang sama terus berusaha tanpa berputus asa. Begitulah orang yang beriman, setiap sesuatu yang berlaku akan digunakannya untuk meraih ganjaran kebaikan di akhirat kelak [2].

6. Pengkarya (istikmal)

Sasterawan yang mempunyai jiwa keislaman itulah yang boleh digelarkan kepada Nik Hazlina Nik Hussain kerana karyanya sempurna lagi menyempurnakan kerana ilmu-ilmu Islam yang terdapat dalam jiwa pengarang akan memberikannya ruang yang lebih luas dalam menjiwai karya berunsur keislaman. Contohnya, pengistikhmalan diri dapat digarap dalam doa-doa Afefa Syakila seperti berikut:

Aku tak mahu berterusan begini! Ya Allah, tolonglah aku. Tenangkanlah diriku dan jernihkan fikiranku, damaikanlah hatiku, ringankan bebanku Ya Allah, bangunkan aku saat aku terjatuh agar aku dapat membina kembali kekuatanku. Ya Allah, berkatilah rezeki dan perjalanan hidupku. Tolongla hambaMu ini. Ya Allah, jika bukan Engkau yang menolong, siapa lagi Ya Allah? (CIV:160)

Selain itu, novel ini juga sarat dengan motivasi untuk setiap daripada kita dapat menelusuri kehidupan yang penuh ujian dan cabaran demi mendapat redhaNya dengan penuh kesyukuran apabila dipesankan “bersyukur dengan apa yang kita ada, janganlah persoalkan apa yang kita tiada, nanti kita akan kecewa” (CIV:47) Berdasarkan perbincangan di atas jelaslah pengarang berjaya mengistikhmalan diri dengan menghasilkan sebuah novel yang mempunyai kekuatan tersendiri terutamanya daripada aspek nilai tambah ilmu bantu mengenai infertiliti, iaitu masalah kesuburan dan rawatannya. Input nilai tambah ini terutamanya fokus jenis rawatan masalah kesuburan seperti pengambilan ubat hormon, pernian beradas dan persenyawaan *in vitro* (IVF) diolah dengan menarik berdasarkan konflik yang dihadapi oleh watak utama yang akhirnya mengangkat martabat Islam sebagai agama yang sempurna daripada semua aspek kehidupan.

7. Khalayak/Insan (kamal).

Karya dan khalayak sememangnya tidak dapat dipisah bak aur dengan tebing dan inilah aspek terakhir teori Takmilah iaitu khalayak bertujuan memupuk ke arah insan Kamal. Sebuah karya sastera yang dihasilkan oleh seorang pengarang seharusnya dapat mewujudkan kesedaran dan keinsafan yang diperolehi oleh khalayak melalui watak yang dipaparkan dalam setiap plot. Nik Hazlina Nik Hussain tanpa gagal berjaya membangkitkan semua elemen tersebut seawal bab 1 hinggalah bab 13 apabila disampaikan pesannya yang terakhir pada halaman terakhir 236 buat kita semua seperti petikan berikut:

“Uwais Akasyah dan Afefa Syakila meninggalkan kawasan perkuburan dengan keinsafan, bahawa hidup ini tunangnya mati, Mati tidak menunggu tua atau muda dan tidak menunggu sihat atau sakit. Mati boleh terjadi kepada sesiapa sahaja, pada bila-bila masa atas kuasa Yang Maha Esa. Sementara masih diberi Allah nyawa, manfaatkanlah hidup ini dengan kebaikan, kebahagiaan dan kasih sayang sehingga hujung nyawa” (CIV:236)

Berdasarkan perbincangan di atas jelaslah bahawa pengarang berjaya membuka minda pengkaji dan pembaca dengan membangkitkan kesedaran dan keinsafan yang akhirnya meningkatkan keimanan dalam mentauhidkan Allah. Jelaslah, sebuah karya yang bagus

ialah karya yang mengamalkan konsep amar makruf, nahi mungkar seperti kupasan lengkap pengarang tentang isu rawatan infertiliti yang patuh *Maqasid Shariah*. Sesungguhnya, inilah pencapaian tahap kesempurnaan dalam khalayak bagi memupuk diri ke arah insan kamil.

KESIMPULAN

Sastera ialah “cerminan masyarakat” yang merefentasikan cara hidup masyarakatnya dalam semua aspek kehidupan tanpa meminggirkan usaha memelihara lima objektif *shariah* iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta dalam ruang lingkup keperluan (*daruriyyah*), kehendak (*hajiyyah*) dan keselesaan (*tahsiniyyah*). Dalam konteks novel CIV Nik Hazlina Nik Hussain, karya beliau juga mempunyai fungsi yang sama untuk memaknakan objektif, ekspresi dan dokumentasi dalam erti kata mudahnya plot cerita novel ini mewakili aspek tujuan, ekspresi dan pendokumentasian isu infertiliti yang patuh *Maqasid Shariah* yang melatari masyarakatnya.

Berdasarkan teori Takmilah, isu infertiliti patuh *Maqasid Shariah* yang digambarkan oleh pengarang sebagai persoalan pokok novel CIV dapat dianalisis menggunakan kesemua aspek merangkumi ketuhanan (kamal), kerasulan (kamil), keislaman (akmal), prinsip ilmu (takamul), kesusasteraan (takmilah), pengkarya (istikmal) dan insan (kamal) yang akhirnya berjaya mengungkapkan konsep kesempurnaan dalam karya ini. Pengkaji mendapati bahawa pengarang berjaya menghasilkan sebuah karya yang bertunjangkan tauhid kerana penemuan ketujuh-tujuh prinsip teori Takmilah dalam kumpulan novel yang dikaji membuktikan bahawa novel *Cinta In Vitro* karya Nik Hazlina Nik Hussain ini padat dengan nilai-nilai keagamaan dan pengajaran serta dapat diangkat sebagai hasil karya sastera Islam kerana terdapat elemen-elemen tauhid, *Maqasid Shariah*, akhlak, kesusasteraan, ilmu kesihatan dan perubatan.

BIBLIOGRAFI

- [1] Wan Nazjmi Mohamed Fisol. 2018. *Revolusi perindustrian keempat (industri 4.0) dari perspektif Maqasid shariah* dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Pertama Isu-Isu Kontemporari & Maqasid Al-Syari'ah (ICCIMS)
- [2] Nik Hazlina Nik Hussain. 2019. *Cinta In Vitro*. : Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka
- [3] Mansor Sulaiman, Abdullah Long, Zailin Shah Yusoff, Ahmad Irfan Ikmal Hisyam, Ahmad Murad Zainuddin & Hasan Ahmad. 2019. *Prosedur-prosedur rawatan IVF : suatu kupasan berdasarkan pandangan*

syarak dimuat turun
<http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/26616/1/Prosedur%20Rawatan%20InVitro%20Fertilisation.pdf>

- [4] Mohd Anuar Ramli. *Rawatan Infertiliti dari perspektif Maqasid al-Shariah* dimuat turun daripada https://www.academia.edu/31275955/Rawatan_Infertiliti_dari_Perspektif_Maqasid_al-Shariah
- [5] Adnan Ahmad. 2018. *Analisis teori Takmilah Buku Puncak Jihad (Kumpulan Puisi Animas ar)* dimuat turun daripada https://www.academia.edu/36563534/Sastera_dan_Masyarakat_Analisis_teoritakmilahBukuPuncakJihadKumpulanPuisiAnimasar
- [6] Van Luxemburg, Jan, Bal, Mieke & Weststsijn, Willem G. (1989) *Pengantar Ilmu Sastra* (terjemahan Dick Hartoko). Jakarta : PT Gramedia
- [7] Kamariah Kamarudin. 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [8] Zanariah Dimon, Nora'inan Bahari, Norita Kamaruddin & Nurhayati Abd. Ghani. 2018. *Hukum-Hukum Penyusuan Terhadap Anak Susuan: Kajian Kesedaran Masyarakat Islam di Selangor* dimuat turun daripada <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat/images/article/vol-1-1/18-05-muwafaqat-vol-01.pdf>